buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKHAH PERCUMA

EDISI
APRIL 2025
04/2025



MAKAN MALAM BERSAMA DYTM RAJA MUDA SELANGOR

MENARIK DI DALAM...



04
Majls Mesra Aidilfitri MPS 2025 Warna Warni Aidilfitiri



06
Program Gagasan Rumpun Selangor Peringkat Daerah Gombak Tahun 2025



10
DYTM Raja Muda Selangor Berkenan Mencemar Duli Ke Santapan Malam Di Gamuda Luge Gardens

e-ISSN 3030-5896

DARI MEJA

YANG DIPERTUA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua pengunjung kerana sudi melayari Buletin Selayangku Sayang Bil. 4/2025 di dalam portal MPS.

Selaras dengan perkembangan semasa yang menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan harian, MPS komited untuk menerbitkan buletin ini dalam format digital yang lebih mesra pengguna bagi memudahkan capaian dan penyampaian maklumat.

Sepanjang bulan Januari 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan oleh MPS merangkumi aspek kebersihan, kesihatan awam, kemasyarakatan, kelestarian alam sekitar serta penguatkuasaan. Kesemua usaha ini mencerminkan komitmen berterusan MPS dalam mendekati komuniti, meningkatkan taraf hidup penduduk serta menjadikan Selayang sebagai sebuah bandar yang mampan dan sejahtera.

Akhir sekali, Saya berharap penerbitan ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca, khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan pelaksanaan program, dasar serta aktiviti semasa Majlis Perbandaran Selayang kepada masyarakat secara menyeluruh.



(TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 4/2025 April
mpselayang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin
ydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
Pn. Nurul Huda binti Mohamed Abhar
nurulhuda.abhar@mps.gov.my

PENGARANG
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah @mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN
Setiap Bulan

e-ISSN
3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800
No. Faks: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Mesyuarat Majlis Bil.4/25

MEMACU PRESTASI, MENYULAM PENGHARGAAN

MESYUARAT Majlis Bil.4/25 Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah berlangsung pada 28 April 2025 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.

Mesyuarat majlis Ini telah dipengerusikan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin; Yang Dipertua MPS. Dalam ucapan beliau, Tuan YDP telah berkongsi pencapaian sepanjang bulan Mac 2025 dan menzahirkan rasa bangga beliau atas kejayaan MPS untuk bulan ini. Tuan YDP turut berkesempatan berucap sempena persaraan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak.

Hadir sama dalam mesyuarat ini, Tuan Haji Az'har bin Samsuri; Penolong Setiausaha MPS, Ahli Majlis MPS dan barisan Pengarah Jabatan MPS.















Mesyuarat YDP MPS Bersama Ahli Parlimen dan ADN

PERKUKUH KERJASAMA, TANGANI ISU TEMPATAN

MESYUARAT Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri Bilangan 1 Tahun 2025 telah diadakan pada 21 April 2025 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.

Mesyuarat diadakan bertujuan untuk memberi ruang komunikasi dua hala antara MPS bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri (ADN) bagi berkongsi segala permasalahan, pandangan dan pembangunan yang berlaku di kawasan pentadbiran MPS.

Menyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, YDP MPS. Ahli mesyuarat yang turut hadir adalah YB Tuan Chua Wei Kiat, ADN Rawang; YB Puan Pua Pei Ling, ADN Bukit Lanjan; wakil-wakil Parlimen dan DUN serta pengarah-pengarah jabatan MPS.

Majlis Perbandaran Selayang

Majlis Mesra Aidilfitri MPS 2025

Warna Warni Aidilfitri

KEMERIAHAN suasana sambutan Majlis Mesra Aidilfitri Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 2025 yang diadakan pada 25 April 2025 bersamaan 26 Syawal 1446H bertempat di Pekarangan Menara MPS.

Bertemakan 'Warna-warni Aidilfitri', seluruh warga kerja MPS dan tetamu hadir bersama keluarga dengan berpakaian tradisional, menyerikan lagi suasana majlis.

Pelbagai juadah telah disajikan menerusi lebih 20 gerai yang dikendalikan sendiri oleh kakitangan-kakitangan dari setiap jabatan MPS untuk tetamu yang hadir. Turut diadakan, Penyerahan Tabung Sumbangan Mangsa Bencana Kebakaran Gas di Putra Heights, penyampaian hadiah bagi Pertandingan Pakaian Terbaik, cabutan bertuah serta penyerahan duit raya untuk kanak-kanak yang telah disempurnakan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS bersama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan Encik Zikry bin Zulkifle, Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan kumpulan akustik D'Xoras MPS serta tarian kebudayaan daripada pelajar SK Bandar Baru Selayang 2 dan SK Taman Melawati.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor; YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Dr. Hj. Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak; YB Puan Pua Pei Ling, ADN Bukit Lanjan; Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Penyelaras DUN Gombak Setia.

Turut hadir ke majlis ini ialah mantan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua MPS antaranya, YBhg. Dato' Haji Bakarudin bin Othman, Tuan Abdullah bin Marjunid dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi selain rakan-rakan strategik, barisan Ahli Majlis dan pengarah MPS.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dan terlibat bagi meraikan sambutan Majlis Mesra Aidilfitri MPS 2025.













Majlis Mesra
Aidilfitri










Majlis Mesra


Majlis Mesra


Majlis Mesra
TABUNG SUMBANGAN
MANGSA BENCANA KEBAKARAN
GAS DI PUTRA HEIGHT
RM12,973
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG




Majlis Mesra



PROGRAM GAGASAN RUMPUN SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK TAHUN 2025 BERSAMA DYTM RAJA MUDA SELANGOR

Santapan Pagi Bersama Rakyat

RESTORAN ASAM PEDAS LONDON, BANDAR BARU SELAYANG.

DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj,Raja Muda Selangor berkenan mencemar duli ke sekitar Daerah Gombak sempena Program Gagasan Rumpun Selangor Peringkat Daerah Gombak bermula pada 16-18 April 2025.

Baginda berangkat untuk santapan pagi bersama rakyat di Restoran Asam Pedas London, Bandar Baru Selayang. Dalam suasana penuh mesra, Baginda turut meluangkan masa menyaksikan persembahan Teh Tarik dan Roti Canai Terbang dari tukang masak restoran.

Turut sama dalam meraikan kunjungan tiba DYTM dan santapan pagi ini, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Dr. Haji Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Y.B. Datuk Haji Rizam Bin Haji Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Negeri Selangor, YB Puan Anfaal binti Shaari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Taman Templer, Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS, Tuan ACP Noor Ariffin bin Mohamed Nasir, Ketua Polis Daerah Gombak, Puan Nor Azlina binti Aziz; Pegawai Daerah Gombak, YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Ahli Majlis MPS, pengarah jabatan MPS dan agensi Daerah Gombak.







Lawatan Diraja ke Kolej Komuniti Selayang

TAKLIMAT PENTADBIRAN, E-GAMES DAN SANTAPAN TENGAH HARI DI KOLEJ KOMUNITI SELAYANG



DYTM Raja Muda Selangor berkenan meneruskan program GRS ke Kolej Komuniti Selayang untuk menyantuni pegawai-pegawai dari agensi Kerajaan di Daerah Gombak. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) turut bersama-sama semasa persembahan video korporat berkenaan agensi-agensi utama dalam pentadbiran di Gombak.

Baginda turut dibawa untuk mendengar taklimat dan sesi demonstrasi e-Games yang disampaikan oleh pihak pengurusan Kolej Komuniti di samping beramah mesra menyantuni pelajar-pelajar dan diiringi YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor serta delegasi melawat gerai jualan pelajar yang menawarkan makanan dan minuman.













Warisan dan Ekopelancongan Gua Damai Diserlahkan

LAWATAN DIRAJA KE GUA DAMAI SERLAH POTENSI PELANCONGAN

DALAM siri lawatan yang sama, DYTM Raja Muda Selangor berkenan melawat ke Taman Ekstrem Gua Damai, bertempat di Kampung Melayu Wira Damai, Batu Caves.

Pelbagai pengisian yang menarik diadakan sempena program berlangsung. Antaranya, baginda berkenan mencemar duli merasmikan Kabin Damai, melawat reruai "Made in Gombak" yang menyajikan pelbagai hasil produk buatan penduduk sekitar, menyertai aktiviti mengacau dodol dan membakar lemang daun lerek bersama penduduk setempat. Baginda juga berkenan menyertai sukan ekstrem iaitu 'abseiling' untuk merasai sendiri pengalaman aktiviti lasak di lokasi ini. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS juga turut bersama-sama baginda menyertai aktiviti 'abseiling'.















GAGASAN RUMPUN SELANGOR

LAWATAN KE RISE @ KL DI BATU CAVES

DYTM Raja Muda Selangor meneruskan keberangkatannya bersama delegasi ke Tempat Pengumpulan Barangan Terpakai 'Recovery Initiative Sustainable Eco-Facilities (RISE) Kuala Lumpur' bertempat di Taman Sri Batu Caves, Batu Caves.

Keberangkatan tiba TYDM Raja Muda Selangor ke RISE @ KL disambut dengan ucapan alu-aluan oleh Encik Shariman Yusuf Mohamed Zain, Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. Sesi lawatan dan taklimat tentang RISE @ KL pula telah disampaikan oleh Ts. Ismi Azura Istear Khan, Pengurus Alam Flora Sdn. Bhd. Baginda turut berkenan melihat fasiliti dan pengurusan sisa kitar semula di kawasan RISE @ KL.









LAWATAN KE PASAR MALAM TAMAN SAMUDERA, BATU CAVES

DYTM Raja Muda Selangor berkenan berangkat melawat pasar malam di Taman Samudera, Gombak. Keberangkatan baginda diiringi Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS bersama delegasi menarik perhatian warga penduduk sekitar kerana secara 'konvoi' dengan menaiki Vespa.

Dalam lawatan kira-kira 30 minit itu baginda berkenan meninjau ke gerai-gerai jualan serta menyerahkan sumbangan apron dan topi kepada peniaga sambil beramah mesra dengan pengunjung. Seterusnya, baginda berangkat ke majlis makan malam dan beramah mesra bersama ketua-ketua jabatan Daerah Gombak.





MAKAN MALAM BERSAMA DYTM RAJA MUDA SELANGOR

PROGRAM GRS diteruskan dengan sesi Makan Malam bersama Ketua-Ketua Agensi Daerah Gombak sebagai simbol kebersamaan dan sokongan padu semua agensi dalam memperkasa pembangunan daerah. Keberangkatan DYTM Raja Muda Selangor menyerlahkan keprihatinan serta sokongan berterusan institusi Diraja terhadap komitmen barisan kepimpinan dan penjawat awam dalam menyantuni rakyat serta memacu kemajuan Daerah Gombak.

Majlis makan malam ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor; Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak; Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang; serta ketua-ketua agensi peringkat daerah.



PERASMIAN BALAI POLIS BANDAR COUNTRY HOMES RAWANG



SESI lawatan DYTM Raja Muda Selangor bersempena Program Gagasan Rumpun Selangor (GRS) diteruskan pada hari ketiga dengan Baginda telah berkenan merasmikan Balai Polis Bandar Country Homes, Rawang. Keberangkatan Baginda telah diiringi oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir ke majlis ini ialah YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara; YBhg. CP Dato' Hussein Omar Khan, Ketua Polis Selangor; YBhg. Datuk Rizam Ismail, Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Negeri Selangor serta Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang.

Balai Polis Country Homes pada asalnya berfungsi sebagai sebuah balai komuniti sebelum dinaik taraf menjadi balai induk bermula 1 Julai 2024.

DYTM RAJA MUDA SELANGOR MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID CAHAYA IMAN COUNTRY HOMES RAWANG

DYTM Raja Muda Selangor turut berkenan mencemar duli berangkat ke Masjid Cahaya Iman, Country Homes, Rawang bagi menunaikan solat Jumaat bersama rakyat.

Baginda turut berkenan menghadiri kenduri rakyat dalam suasana yang penuh mesra dan kasih sayang, di lokasi terakhir siri jelajah Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Gombak yang telah berlangsung selama tiga hari bermula 16 April 2025.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Rizam bin Ismail, Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Negeri Selangor, yang diiringi oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang. Turut serta memeriahkan majlis ialah Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak dan Dr. Ani binti Ahmad, Yang Dipertua MPAJ.

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kekal komited dalam mendukung aspirasi Negeri Selangor, khususnya dalam memperkukuh semangat perpaduan serta mengeratkan jalinan hubungan antara institusi Diraja, pemimpin dan rakyat.





DYTM RAJA MUDA SELANGOR BERKENAN MENCEMAR DULI KE SANTAPAN MALAM DI GAMUDA LUGE GARDENS

SIRI lawatan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor ke daerah Gombak diteruskan dengan keberangkatan baginda ke Gamuda Luge Gardens bagi menghadiri Majlis Santapan Malam Gagasan Rumpun Selangor (GRS) Daerah Gombak dan seterusnya merasmikan Majlis Penutup GRS peringkat Negeri Selangor.

Majlis berprestij ini menjadi kemuncak kepada rangkaian program GRS yang telah dilaksanakan di seluruh daerah negeri Selangor, sebagai suatu inisiatif memperkukuh nilai perpaduan, pemerkasaan komuniti, serta penghayatan budaya tempatan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar.

Kehadiran DYTM Raja Muda Selangor menyerlahkan keprihatinan dan sokongan berterusan institusi diraja terhadap pembangunan masyarakat madani dan integrasi sosial yang harmoni. Baginda turut berkenan menyempurnakan perasmian penutup dengan penuh istiadat, disaksikan oleh para kenamaan dan jemputan rasmi daripada pelbagai peringkat kepimpinan negeri dan daerah.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai persembahan istimewa yang mengangkat elemen kebudayaan dan bakat tempatan. Antara yang mencuri perhatian ialah persembahan tarian tradisional oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang 2, yang mewakili wajah generasi muda Selangor yang berbudaya tinggi. Selain itu, acara juga dimeriahkan dengan persembahan nyanyian oleh penyanyi popular tanah air, Iman Troye, yang menghiburkan hadirin dengan suara merdu dan persembahan bertenaga.

Sejurus selesai majlis santapan, baginda turut meluangkan masa menyertai aktiviti lawatan sekitar Gamuda Luge Gardens

Turut menghadari majlis santapan ini ialah Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak; Yang Berhormat Datuk Dr. Haniff Bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor; Yang Berhormat Datuk Rizam Bin Ismail, Exco Kemajuan Desa, Perpaduan & Pengguna Negeri Selangor; Yang Berhormat Tuan Lau Weng SanTuan, Speaker Dewan Negeri Selangor; Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang; Pengarah Eksekutif Gamuda Land serta ketua-ketua agensi peringkat negeri dan daerah.








MERAFAK SEMBAH DAN MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH




MERAFAK SEMBAH DAN
DULI YANG TERA
RAJA MUDA S
ATAS KEBERAN
MALAM GAGAS
BAK DAN MAJLIS
GRS PERINGKA
2025 BERSAMAA















OPERASI MEGA PEMBERSIHAN DI LOKASI TERJEJAS LETUPAN PAIP GAS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) hari ini telah menyertai Operasi Mega Pembersihan di lokasi terjejas Letupan Gas Putra Height pada 12-13 April 2025.

Operasi bersepadu anjuran Kerajaan Negeri Selangor ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari; Dato' Menteri Besar Selangor. Operasi Mega Pembersihan ini turut disertai semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor, polis, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, KDEBWM dan Selangor Volunteer (Serve) seliaan Majlis Sukan Negeri (MSN).

Seramai 65 orang sukarelawan daripada jabatan dalaman MPS digerakkan ke Kampung Kuala Sungai Baru dengan tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas. Sebanyak 14 jentera termasuk tiga tong Roll-On Roll-Off (RORO), Lori Cargo 5 Tan, Lori Tangki dan Lori Water Jetter telah digerakkan bagi tujuan ini. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS telah turut bersama-sama sukarelawan MPS melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Usaha pembersihan ini yang tamat pada jam 4:30 petang akan diteruskan pada hari esok (13 April 2025). MPS berharap usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan kerja pembersihan awam di kawasan tersebut dan meringankan beban mangsa.







PROGRAM SERAHAN BAKUL KEPADA PENGUNJUNG DAN TOPI KEPADA PENIAGA PASAR MALAM SELAYANG MALL

SEBAGAI tanda penghargaan kepada para peniaga dan pengunjung pasar malam, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melalui Jabatan Pelesenan telah menganjurkan Majlis Penyampaian Bakul kepada pengunjung dan topi kepada peniaga pasar malam pada 9 April 2025 bertempat di Pasar Malam Selayang Mall, Selayang.

Sebanyak 100 buah topi telah diserahkan kepada peniaga bagi kegunaan sepanjang berniaga di pasar dan 80 buah bakul telah diserahkan kepada pengunjung bertujuan memudahkan pengunjung untuk meletakkan barangan belian di dalam bakul serta menyahut seruan kerajaan negeri dalam sifar penggunaan beg plastik. Majlis turut dihadiri oleh Tuan U Chin Ong selaku pengelola pasar malam ini merangkap Ahli Majlis MPS bersama Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenan MPS.



Kerjasama MPS dan KPKT

LAWATAN PEMERIKSAAN PROJEK HENTIAN BAS

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan pemeriksaan projek hentian bas pada 22-24 April 2025 dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Selayang.

Lawatan ini mencerminkan komitmen bersama dalam usaha meningkatkan mutu fasiliti awam. Inisiatif ini turut membuka ruang untuk menilai keberkesanan reka bentuk, ketahanan struktur, dan tahap keselesaan pengguna dan selaras dengan usaha memperkukuh infrastruktur tempatan.

Melalui pendekatan ini, MPS berharap dapat memenuhi keperluan komuniti serta mempertingkatkan kemesraan pengguna terhadap fasiliti awam, seiring dengan visi pembangunan bandar yang mampan dan progresif. Pada sesi lawatan tersebut, MPS turut menyampaikan cenderahati kepada En. Ya'akub bin Othman, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam, KPKT sebagai tanda penghargaan.



MPS AGIH MAKANAN DI PPS MASJID PUTRA HEIGHT







MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) dengan penuh rasa tanggungjawab telah menyampaikan bantuan makanan kepada mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Height, hari ini.

Penyerahan bantuan makanan ini adalah selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menitahkan pembatalan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Selangor, bagi memberi fokus kepada mangsa-mangsa dan keluarga yang terkesan oleh insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights.

MPS mengagihkan juadah makanan seperti keropok lekor, pisang goreng, dan keledek goreng di setiap lokasi rumah kebajikan yang dilawati.

Turut serta dalam penyerahan ini, YB Puan Anfaal bin Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor merangkap ADN Taman Templer, yang turun padang melawat sesi penyerahan makanan PPS Masjid Putra Height.

Semoga bantuan ini dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi musibah ini.

MPS SALURKAN JUADAH AIDILFITRI KE RUMAH KEBAJIKAN

BAGI menyempurnakan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan penuh rasa tanggungjawab telah menyalurkan bantuan makanan kepada rumah kebajikan di sekitar Gombak pada hari ini.

MPS mengedarkan juadah seperti keropok lekor, pisang goreng, dan keledek goreng di setiap rumah kebajikan yang dikunjungi. Antara institusi kebajikan yang menerima sumbangan ialah Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur, Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Raudhatul Nurr Jannah, Pusat Jagaan Warga Tua Sri Tanjung, Pusat Jagaan Warga Emas Kangiten, Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Chester Selangor, PSPK Women Development Care Centre, Pusat Jagaan Sivananda Home dan Bethesda House Care Centre.

Penyaluran bantuan ini selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang memutuskan pembatalan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Selangor yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Pembatalan majlis tersebut bagi menghormati dan memberi keutamaan kepada mangsa serta keluarga yang terjejas akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, pada 1 April 2025.

Baginda juga telah menitahkan agar persiapan yang telah pun dibuat untuk majlis berkenaan khususnya makanan-makanan, disalurkan kepada PPS, petugas keselamatan, anggota bomba, para sukarelawan dan NGO, rumah anak-anak yatim dan sekolah-sekolah yang terletak berdekatan dengan lokasi kejadian.





KURSUS LANJUTAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SERAMAI 60 peserta telah mengambil bahagian dalam Kursus Lanjutan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Pegawai Pengelas melalui Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang diadakan pada 30 April 2025 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.



Peserta yang terlibat dalam kursus ini merupakan wakil-wakil jabatan MPS terdiri daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Korporat, Jabatan Bangunan, Jabatan Audit Dalam, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Perancang Bandar, Bahagian Urus Setia, Jabatan Perundangan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pelesenan, Jabatan Pusat Setempat (OSC), Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pejabat Yang Dipertua dan Unit Integriti.



Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus PPJK dan Pegawai Pengelas yang telah dilaksanakan pada 3-5 Disember 2024. Kursus ini diadakan sebagai persediaan bagi pencalonan Anugerah Khas Inspektorat Keselamatan Perlindungan yang dijangka akan berlangsung bermula Jun 2025. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Ahmad Basyir bin Mohamad Hasni, Pegawai Keselamatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

